

**PENGARUH AMALAN PEMBELAJARAN
MASTERI, SIKAP AKADEMIK DAN LOKUS
KAWALAN TERHADAP PENCAPAIAN
PELAJAR DI SABAH**



RABE BIN JUHARI

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2021**

**PENGARUH AMALAN PEMBELAJARAN
MASTERI, SIKAP AKADEMIK DAN LOKUS
KAWALAN TERHADAP PENCAPAIAN
PELAJAR DI SABAH**

RABE BIN JUHARI



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS

**TESIS INI DISEDIAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2021**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGARUH AMALAN PEMBELAJARAN MASTERI, SIKAP AKADEMIK DAN LOKUS KAWALAN TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR DI SABAH**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

BIDANG : **PENGURUSAN PENDIDIKAN**

Saya **RABE BIN JUHARI** Sesi **2019 / 2020** mengaku membenarkan tesis Doktor Falsafah ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972.)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan.)


TIDAKTERHAD


RABE BIN JUHARI
PT1211290T

 **ANITA BINTI ARSAD** sahkan Oleh,
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)


Tarikh : 25 April 2021


(Prof. Madya Dr. Muhammad Suhaimi Taat)
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

19 Januari 2021



Rabe bin Juhari
PT1211290T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : RABE BIN JUHARI
NO MATRIK : PT1211290T
TAJUK : PENGARUH AMALAN PEMBELAJARAN MASTERI,
SIKAP AKADEMIK DAN LOKUS KAWALAN TERHADAP
PENCAPAIAN PELAJAR DI SABAH
IJAZAH : DOKTOR FALSAFAH (PhD)
BIDANG : PENGURUSAN PENDIDIKAN
TARIKH VIVA : 19 JANUARI 2021



DISAHKAN OLEH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYELIA TUNGGAL

Tandatangan

PENYELIA

Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah rahmatNya saya dapat menyiapkan tesis ini bagi tujuan memenuhi syarat memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Pendidikan), Universiti Malaysia Sabah. Terima kasih kepada isteri saya, Hasmiyani Binti Emma dan anak-anak saya, Muhammad Afiq, Muhammad Safwan dan Muhammad Danish, yang sentiasa sabar dan memberikan inspirasi. Lantaran kasih sayang kalianlah menguatkan semangat saya untuk mengharungi pengajian ini dan seterusnya menyiapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat selaku penyelia kajian ini atas segala tunjuk ajar, bimbingan, kesabaran dan keikhlasan beliau membantu saya mengatasi cabaran dan memberi panduan untuk menyiapkan tesis ini.

Kepada semua pensyarah Program Pendidikan Pasca Siswazah UMS terutama Prof. Madya Dr. Mohd Zaki Ishak, Dr. Roslee Talip, Dr. Mohd. Khairuddin @ Jerry Abdullah dan Prof. Madya Dr. Abdul Said Ambotang saya mengucapkan ribuan terima kasih. Tanpa tunjuk ajar, dorongan dan bantuan kalian, mustahil untuk saya menempuh dan menamatkan pengajian saya dengan jayanya. Kepada rakan saya, Pengarah IPG Tawau, Dr. Najamudin Bachora, Pengetua Cemerlang En. Matnoor Sima, Dr Nasir, Dr. Nurjannah, Cik Siti Noraini serta Pn. Lilly, segala budi kalian dalam membantu saya menempuh cabaran dan sentiasa memberi bantuan ketika diperlukan tidak akan saya lupakan.

Akhir sekali, ucapan terima kasih saya kepada semua pihak yang tidak tersebut namanya, yang telah membantu saya menyiapkan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala jasa baik kalian hanya Allah SWT sahaja yang membalasnya. Wasallam.

Rabe Bin Juhari

19 Januari 2021

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pengaruh amalan pembelajaran masteri, sikap akademik dan lokus kawalan terhadap pencapaian pelajar sekolah di Sabah. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti perbezaan tahap amalan pembelajaran masteri, tahap sikap akademik, tahap lokus kawalan dan tahap pencapaian pelajar berdasarkan lokasi bandar dan luar bandar di 20 buah sekolah di Sabah. Kajian kuantitatif ini ialah adalah satu tinjauan deskriptif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel dalam kajian ini terdiri 355 pelajar tingkatan empat daripada sekolah-sekolah bandar dan luar bandar yang terletak dalam senarai 20 terendah dalam keputusan SPM tahun 2017 di Sabah. Sampel diambil daripada 11 sekolah luar bandar dan 9 sekolah bandar. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan SPSS versi 23.0. Analisis deskriptif menggunakan ukuran min, peratus dan kekerapan untuk mengukur tahap amalan pembelajaran masteri, sikap akademik, lokus kawalan dan pencapaian pelajar. Analisis inferensi Ujian-t digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan amalan pembelajaran masteri, sikap akademik, lokus kawalan dan pencapaian pelajar berdasarkan lokasi bandar dan luar bandar. Ujian korelasi Pearson 'r' turut digunakan untuk menentukan kesignifikan dan kekuatan hubungan antara ciri-ciri amalan pembelajaran masteri, sikap akademik dan lokus kawalan terhadap pencapaian pelajar. Ujian regresi berganda pula digunakan untuk menentukan pengaruh tiga pemboleh ubah bebas iaitu amalan pembelajaran masteri, sikap akademik dan lokus kawalan secara simultan terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu pencapaian pelajar. Berdasarkan analisis deskriptif, didapati tahap amalan pembelajaran, sikap akademik pelajar berada pada tahap tinggi iaitu masing-masing mempunyai min 3.891 dan 4.017. Manakala tahap lokus kawalan pula pada tahap sederhana iaitu mempunyai min 3.377, sementara pencapaian mempunyai tahap min yang rendah iaitu 2.39. Dapatan kajian inferens pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar sekolah-sekolah bandar ($SP=0.413$) dan luar bandar ($SP=0.402$) berkaitan tahap amalan pembelajaran masteri ($t=-3.629$, $p=0.001<.05$), terdapat perbezaan yang signifikan ($t=-2.200$ $p=0.028<.05$) tahap sikap akademik antara pelajar sekolah-sekolah bandar ($SP=0.426$) dan luar bandar ($SP=0.402$). Terdapat perbezaan yang signifikan ($t=3.327$, $p=0.001<.05$), antara pencapaian pelajar luar bandar ($SP=0.850$) dan bandar ($SP=0.921$), terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pembelajaran masteri dengan pencapaian kluster pelajar prestasi lulus ($r=0.134$, $p=0.011<.05$), terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pembelajaran masteri dengan pencapaian kluster pelajar prestasi lemah ($r=-0.162$, $p=0.002<.05$), terdapat hubungan yang signifikan antara sikap akademik dengan pencapaian kluster pelajar prestasi lemah ($r=-0.116$, $p=0.028<.05$), terdapat hubungan antara lokus kawalan dengan pencapaian kluster pelajar prestasi lemah ($r=-0.194$, $p=0.000<.05$), dan terdapat pengaruh amalan pembelajaran masteri, sikap akademik dan lokus kawalan terhadap pencapaian kluster pelajar prestasi lemah ($R^2= 0.051$, $p=0.003<.05$). Diharapkan kajian ini akan dapat memberikan maklumat berguna kepada pihak sekolah untuk meningkatkan kualiti dan pencapaian akademik pelajar. Kajian lanjutan diharapkan melibatkan populasi yang berbeza daripada populasi dalam kajian ini.

ABSTRACT

THE INFLUENCE OF MASTERY LEARNING PRACTICES, ACADEMIC ATTITUDES AND LOCUS OF CONTROL ON STUDENTS' ACHIEVEMENTS IN SABAH

The main purpose of this study is to identify the influence of mastery learning practices, academic attitudes and locus of control on the achievement of school students in Sabah. This study also aims to identify the differences in the level of mastery learning practice, academic attitude, locus of control and students' achievement based on urban and rural locations schools in Sabah. This quantitative study is a descriptive survey that uses questionnaire as research instrument. The sample in this study consisted of 355 Form Four students from schools who were in the bottom 20 list of the 2017 SPM results lists in Sabah. Samples were taken from 11 rural schools and 9 urban schools. The data obtained were analyzed descriptively and inferentially using SPSS version 23.0. Descriptive analysis used mean, percentage and frequency measures to measure the level of mastery learning practice, academic attitudes, locus of control and student achievement. For inferential analysis t-test was used to determine whether there were significant differences in mastery learning practices, academic attitudes, locus of control and students' achievement. The Pearson 'r' correlation test was also used to determine the significance and strength of the relationship between the characteristics of mastery learning practice, academic attitudes and locus of control on student achievement. Multiple regression tests were used to determine the influence of three independent variables, namely, mastery learning practice, academic attitude and locus of control simultaneously on the dependent variable, namely, student achievement. Based on the descriptive analysis, it was found that the level of mastery learning practice and the academic attitude of students were at a high level with mean values of 3.891 and 4.017 respectively. The level of locus of control was at a moderate level (mean=3.377). Meanwhile, students' achievement recorded a low (mean=2.39). The findings through inferential analysis have found that there was a significant difference between the students of urban (SP=0.413) and rural areas (SP=0.402) in relation to the level of mastery learning practices ($t=-3.629$, $p=0.001<.05$). There was also a significant difference between the students of urban areas (SP=0.426) and rural areas (SP=0.402) in relation to their level of academic attitudes ($t=-2.200$, $p=0.028<.05$). A significant difference was also identified between the urban (SP=0.921) and rural (SP=0.850) school students regarding their achievement ($t=3.327$, $p=0.001<.05$). Other than that, it was also found that there was a significant relationship between the mastery learning practises with the achievement of passed-performing students cluster ($r=0.134$, $p=0.011<.05$). Meanwhile, the relationship between mastery learning practices and the achievement of poor-performing students cluster was also found significant ($r=-0.162$, $p=0.002<.05$). There were significant relationship between academic attitude with poor performance student cluster achievement ($r=-0.116$, $p=0.028<.05$), there was the relationship between locus of control and cluster achievement of poorly performing students ($r=-0.194$, $p=0.000 .05$), It was also found that mastery learning practices, academic attitudes and locus of control can affect the academic achievement of low-performing students' academic performances ($R^2 = 0.051$, $p = 0.003 <.05$). It is hoped that this study will be able to provide useful information to the school to improve the quality and academic achievement of students. Further studies are expected to involve populations that are different from the population in this study.

ISI KANDUNGAN

Halaman

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.3.1 Amalan Pembelajaran Masteri	13
1.3.2 Sikap Akademik	16
1.3.3 Lokus Kawalan	18
1.3.4 Pencapaian	20
1.4 Tujuan Kajian	20
1.5 Objektif Kajian	21
1.6 Persoalan Kajian	22
1.7 Hipotesis kajian	23
1.8 Kepentingan Kajian	26
1.9 Batasan Kajian	34
1.10 Definisi Operasional	36
1.10.1 Pembelajaran Masteri	37
1.10.2 Sikap Akademik	38
1.10.3 Lokus Kawalan	40
1.10.4 Pencapaian Pelajar	41
1.11 Kesimpulan	44

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	45
2.2 Definisi Konsep	45
2.2.1 Pembelajaran Masteri	45
2.2.2 Sikap Akademik	49
2.2.3 Lokus Kawalan	51
2.3 Teori dan Model	53
2.3.1 Teori dan Model Pembelajaran Masteri	53
2.3.1.1 Implikasi Teori dan Model Pembelajaran Masteri	63
2.3.2 Teori dan Model Sikap	67
a. Teori Percanggahan Kognitif	68
b. Teori Tindakan Bersebab	70
c. Teori Tingkah laku Terancang	72
d. Model Sikap Gabungan Tiga Komponen	74
2.3.2.1 Implikasi Teori dan Model Sikap Terhadap kajian	76
2.3.3 Teori dan Model Lokus Kawalan	80
2.3.3.1 Implikasi Teori dan Model Lokus Kawalan Terhadap Kajian	84
2.4 Kajian-Kajian Lepas	87
2.5 Kerangka Konseptual Kajian	96
2.6 Kesimpulan	98

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	100
3.2 Reka Bentuk Kajian	100
3.2.1 Lokasi Kajian	103
3.2.2 Populasi Kajian	107
3.2.3 Sampel Kajian	107
3.2.4 Reka Bentuk Alat Penyelidikan	112
3.3 Pembinaan Soal Selidik	114
3.4 Format Soal Selidik	115
3.5 Instrumen kajian	117
3.5.1 Analisis Item	118
3.5.2 Pemilihan Skala	120

3.6	Kajian Rintis	122
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Ukur Kajian	123
3.7.1	Kesahan Pakar	125
3.7.2	Analisis Faktor	127
3.7.3	Indeks Kebolehpercayaan Pekali Alpha Cronbach	131
3.8	Hasil kajian Rintis	132
3.8.1	Bahagian A	132
3.8.2	Bahagian B	132
3.8.3	Bahagian C	133
3.8.4	Bahagian D	133
3.9	Prosedur dan Takwim Kajian	133
3.9.1	Peringkat Memohon Kebenaran	134
3.9.2	Peringkat Menjalankan kajian	134
3.9.3	Peringkat Mengumpul Soal Selidik	134
3.10	Pemeriksaan Data Kajian	136
3.11	Analisis Data	138
3.11.1	Analisis dan Deskriptif	138
3.11.1.1	Penentuan Tahap Amalan Pembelajaran Masteri, Sikap Akademik dan Lokus Kawalan	139
3.11.1.2	Penentuan Tahap Pencapaian Pelajar	140
3.11.2	Analisis Statistik Inferensi	142
3.11.2.1	Ujian-t	146
3.11.2.2	Ujian Korelasi Pearson	147
3.11.2.3	Regresi Linear Berganda	148
3.12	Kesimpulan	150
 BAB 4: DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pendahuluan	151
4.2	Pemeriksaan Data Kajian	152
4.3	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	154
4.4	Latar Belakang Responden	156
4.5	Analisis Soalan dan Hipotesis Kajian	157
4.6	Rumusan Analisis Hipotesis kajian	181
4.7	Kesimpulan	186

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	187
5.2	Rumusan Dapatan	187
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	191
5.3.1	Analisis demografi responden	191
5.3.2	Tahap Amalan Pembelajaran Masteri, Sikap Akademik dan Lokus Kawalan dan Tahap Pencapaian Pelajar.	191
5.3.3	Perbezaan Amalan Pembelajaran Masteri Berdasarkan Lokasi (Bandar dan Luar Bandar) (Ho1)	198
5.3.4	Perbezaan Sikap Akademik Berdasarkan Lokasi (Bandar dan Luar Bandar) (Ho2)	199
5.3.5	Perbezaan Lokus Kawalan Berdasarkan Lokasi (Bandar dan Luar Bandar) (Ho3)	201
5.3.6	Perbezaan Pencapaian Pelajar Berdasarkan Lokasi (bandar dan Luar Bandar) (Ho4)	202
5.3.7	Hubungan antara Amalan Pembelajaran Masteri dengan Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Kepujian [Ho5 (ii)]	204
5.3.8	Hubungan antara Amalan Pembelajaran Masteri dengan Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Sederhana [Ho5 (iii)]	206
5.3.9	Hubungan antara Amalan Pembelajaran Masteri dengan Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Lulus [Ho5 (iv)]	208
5.3.10	Hubungan antara Amalan Pembelajaran Masteri dengan Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Lemah [Ho5 (v)]	209
5.3.11	Hubungan antara Sikap Akademik dengan Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Kepujian [Ho6 (ii)]	210
5.3.12	Hubungan antara Sikap Akademik dengan Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Sederhana [Ho6 (iii)]	212
5.3.13	Hubungan antara Sikap Akademik dengan Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Lulus [Ho6 (iv)]	214
5.3.14	Hubungan antara Sikap Akademik dengan Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Lemah [Ho6 (v)]	216
5.3.15	Hubungan antara Lokus Kawalan dengan Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Kepujian [Ho7 (ii)]	219

5.3.16	Hubungan antara Lokus Kawalan dengan Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Sederhana [Ho7 (iii)]	220
5.3.17	Hubungan antara Lokus Kawalan dengan Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Lulus [Ho7 (iv)]	222
5.3.18	Hubungan antara Lokus Kawalan dengan Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Lemah [Ho7 (v)]	224
5.3.19	Pengaruh Amalan Pembelajaran Masteri, Sikap Akademik dan Lokus Kawalan Terhadap Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Kepujian [Ho8 (ii)]	225
5.3.20	Pengaruh Amalan Pembelajaran Masteri, Sikap Akademik dan Lokus Kawalan Terhadap Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Sederhana [Ho8 (iii)]	228
5.3.21	Pengaruh Amalan Pembelajaran Masteri, Sikap Akademik dan Lokus Kawalan Terhadap Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Lulus [Ho8 (iv)]	230
5.3.22	Pengaruh Amalan Pembelajaran Masteri, Sikap Akademik dan Lokus Kawalan Terhadap Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Lemah [Ho8 (v)]	232
5.4	Implikasi Kajian	234
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori dan Model	234
5.4.1.1	Amalan Pembelajaran Masteri	234
5.4.1.2	Teori Sikap	237
5.4.1.3	Lokus Kawalan	238
5.4.2	Implikasi Terhadap Penyelidikan	240
5.4.3	Implikasi Terhadap Amalan dan Tindakan Susulan	241
5.5	Cadangan kajian Masa hadapan	246
5.6	Penutup	248
	RUJUKAN	249
	LAMPIRAN	

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Tahap Dalam Kaedah Pembelajaran Masteri	43
Rajah 2.2 Variabel Utama Pembelajaran Bilik darjah	50
Rajah 2.3 Pemboleh Ubah dalam Pembelajaran Masteri	52
Rajah 2.4 Keluk Kesan Pengajaran	53
Rajah 2.5 Hubungan Pemboleh Ubah dengan Teori dan Model Pembelajaran Masteri	58
Rajah 2.6 Teori Percanggahan Kognitif	64
Rajah 2.7 Teori Tindakan Bersebab	64
Rajah 2.8 Teori Tingkah Laku Terancang	66
Rajah 2.9 Model Sikap Rangkaian Tiga Komponen	68
Rajah 2.10 Hubungan Pemboleh Ubah Bebas dengan Teori dan Model Sikap	69
Rajah 2.11 Hubungan Pemboleh Ubah Bebas dengan Teori dan Model Lokus Kawalan	76
Rajah 2.12 Kerangka Konseptual Kajian	87
Rajah 3.1 Rangka Persampelan	101

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 1.1	Skala Gred SPM Bermula Pada Tahun 2009	28
Jadual 1.2	Contoh Nilai Gred dan Gred Purata Pelajar (GPP)	28
Jadual 1.3	Kategori Pencapaian Berdasarkan GPP Pelajar	29
Jadual 1.4	Pencapaian Gred Purata Negeri Sabah Berbanding Negeri-Negeri Lain di Malaysia	37
Jadual 3.1	Senarai dan Ranking GPS 20 Buah Sekolah Terbawah Mengikut Lokasi Bandar dan Luar Bandar dalam Peperiksaan SPM Tahun 2017 dalam Negeri Sabah	96
Jadual 3.2	Bilangan Sekolah dan Populasi Pelajar Tingkatan Empat bagi 20 Sekolah Menengah Berlokasi Bandar dan Luar Bandar Yang Berada dalam GPS Terbawah Dalam Peperiksaan SPM Tahun 2017	97
Jadual 3.3	Jadual Sampel Berdasarkan Populasi	100
Jadual 3.4	Jumlah Pelajar dan Sampel	102
Jadual 3.5	Analisis Item Soal Selidik	109
Jadual 3.6	Skala Likert Amalan Pembelajaran Masteri	110
Jadual 3.7	Skala Likert Sikap Akademik dan Lokus kawalan	110
Jadual 3.8	Jantina, Bilangan dan Peratus Penglibatan Responden Dalam Kajian Rintis	112
Jadual 3.9	Senarai Pakar Rujuk Kesahan Kandungan Instrumen	115
Jadual 3.10	<i>KMO and Bartlett's Test</i> (Amalan Pembelajaran Masteri)	117
Jadual 3.11	<i>KMO and Bartlett's Test</i> (Sikap Akademik)	117
Jadual 3.12	<i>KMO and Bartlett's Test</i> (Lokus Kawalan)	118
Jadual 3.13	Kesahan dan kebolehpercayaan Alat Ukur Kajian (Kajian Rintis)	120
Jadual 3.14	Takwim dan Perancangan Kajian	124
Jadual 3.15	Ujian <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> bagi Pemboleh Ubah (Kajian Rintis)	127

Jadual 3.16	Interpretasi Nilai Skor Min Amalan Pembelajaran Masteri, Sikap Akademik dan Lokus Kawalan	128
Jadual 3.17	Interpretasi Nilai Skor Min Pencapaian Pelajar	130
Jadual 3.18	Hipotesis Kajian, Jenis Pengukuran Pemboleh Ubah dan Jenis Analisis Statistik	132
Jadual 3.19	Indeks Kekuatan Korelasi disesuaikan daripada Cohen	136
Jadual 4.1	Ujian <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> bagi Pemboleh Ubah (Kajian Sebenar)	141
Jadual 4.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Ukur Kajian (Kajian Sebenar)	142
Jadual 4.3	Pekali <i>Alpha Cronbach</i> Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	144
Jadual 4.4	Taburan Responden Mengikut Sekolah di Negeri Sabah	144
Jadual 4.5	Taburan Responden Mengikut Jantina	145
Jadual 4.6	Kategori Sekolah dan Jumlah Pelajar yang Terlibat Dalam Kajian	145
Jadual 4.7	Tahap Pemingkatan Amalan Pembelajaran Masteri	146
Jadual 4.8	Skor Min Amalan Pembelajaran Masteri	146
Jadual 4.9	Skor Min Berdasarkan Komponen Amalan Pembelajaran Masteri	147
Jadual 4.10	Skor Min Sikap Akademik	147
Jadual 4.11	Skor Min Lokus Kawalan	148
Jadual 4.12	Peratus Pencapaian Responden Berdasarkan Julat Pencapaian	148
Jadual 4.13	Skor Min Pencapaian Pelajar	148
Jadual 4.14	Ujian-t Perbezaan Amalan Pembelajaran Masteri Berdasarkan Lokasi Bandar dan Luar Bandar	149
Jadual 4.15	Min Perbezaan Amalan Pembelajaran Masteri Berdasarkan Lokasi Bandar dan Luar Bandar	150
Jadual 4.16	Ujian-t Perbezaan Sikap Akademik Berdasarkan Lokasi Bandar dan Luar Bandar	151
Jadual 4.17	Min Perbezaan Sikap Akademik Berdasarkan Lokasi Bandar dan Luar Bandar	152

Jadual 4.18	Ujian-t Perbezaan Lokus kawalan Berdasarkan Lokasi Bandar dan Luar Bandar	153
Jadual 4.19	Min Perbezaan Lokus Kawalan Berdasarkan Lokasi Bandar dan Luar Bandar	154
Jadual 4.20	Ujian-t Perbezaan Pencapaian Pelajar Berdasarkan Lokasi Bandar dan Luar bandar	155
Jadual 4.21	Min Perbezaan Pencapaian Pelajar Berdasarkan Lokasi Bandar dan Luar Bandar	156
Jadual 4.22	Analisis Korelasi <i>Pearson</i> Pembelajaran Masteri dengan Pencapaian Pelajar	157
Jadual 4.23	Perbezaan Min Amalan Pembelajaran Masteri dengan Pencapaian Pelajar	158
Jadual 4.24	Analisis Korelasi <i>Pearson</i> Sikap Akademik dengan Pencapaian Pelajar	159
Jadual 4.25	Perbezaan Min Sikap Akademik dengan Pencapaian Pelajar	160
Jadual 4.26	Analisis Korelasi <i>Pearson</i> Lokus Kawalan dengan Pencapaian Pelajar	160
Jadual 4.27	Perbezaan Min Lokus Kawalan dengan Pencapaian Pelajar	161
Jadual 4.28	Korelasi Amalan Pembelajaran Masteri, Sikap Akademik dan Lokus Kawalan Terhadap Pencapaian Pelajar	162
Jadual 4.29	Pengaruh Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar dalam Analisis ANOVA	163
Jadual 4.30	Koefisien Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar	163
Jadual 4.31	Interpretasi Koefisien Korelasi	164
Jadual 4.32	Pengaruh Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar dalam Analisis ANOVA	165
Jadual 4.33	Koefisien Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar	165
Jadual 4.34	Pengaruh Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar dala Analisis ANOVA	166
Jadual 4.35	Korelasi Amalan Pembelajaran Masteri, Sikap Akademik dan Lokus Kawalan Terhadap Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Lulus	166

Jadual 4.36	Pengaruh Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar dalam Analisis ANOVA	167
Jadual 4.37	Korelasi Amalan Pembelajaran Masteri, Sikap Akademik dan Lokus Kawalan Terhadap Pencapaian Kluster Pelajar Prestasi Lemah	168
Jadual 4.38	Pengaruh Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar dalam Analisis ANOVA	169
Jadual 4.39	Koefisien Pemboleh Ubah Bebas Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar	169
Jadual 4.40	Ringkasan Dapatan Kajian	170



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ABC	Affective, Behaviour and Cognitive
ATML	The Attitude Towards Mastery Learning
GPP	Gred purata Pelajar
GPS	Gred Purata Sekolah
JERIS	Jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
R-SPQ-2F	Revised Student Process Questionnaire
SESQ	Student Engagement in Schools Questionnaire
SPSS	Statistical Package of Social Science
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TPK	Teori Percanggahan Kognitif
TTB	Teori Tindakan Bersebab
TTT	Teori Tingkah Laku Terancang



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Soal Selidik
Lampiran B	Borang Kelulusan Menjalankan Kajian
Lampiran C	Min Mengikut Item Soal Selidik
Lampiran D	Analisis Faktor
Lampiran E	Alpha Cronbach Rintis
Lampiran F	Normaliti Data Rintis



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

pencapaian dalam akademik merupakan aspek yang sentiasa menjadi agenda utama sistem pendidikan sesebuah negara. Hal ini kerana pencapaian akademik dianggap sebagai ukuran hasil pendidikan (Stronge, Ward & Grant, 2011). Dalam konteks negara Malaysia, peningkatan dalam pencapaian kurikulum secara tidak langsung mencerminkan kejayaan sistem pendidikan negara dalam membangunkan aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah (JERIS) generasi akan datang. Di peringkat sekolah, pencapaian akademik yang cemerlang menjadi matlamat utama pemimpin sekolah dan guru (Silva, White & Yoshida, 2011) memandangkan pelajar masa kini merupakan tonggak kepimpinan negara pada masa hadapan (Muhamad Shafiq & Noraini, 2018) yang lebih mencabar.

Sehubungan itu, para pelajar perlu menyesuaikan diri dengan pantas iaitu berusaha meningkatkan sikap positif terhadap akademik, mengenal pasti kecenderungan mereka dalam aspek lokus kawalan dan mengimplementasikan pendekatan pembelajaran yang memberikan impak besar terhadap pencapaian mereka sama ada mereka merupakan pelajar di luar bandar atau di bandar. Berdasarkan dapatan yang sangat relevan tentang hubungan amalan pembelajaran mastery, sikap akademik dan kecenderungan lokus kawalan ke atas pencapaian pelajar oleh pengkaji-pengkaji awal seperti Guskey dan Gates (1986), Davis dan Sorrell (1995), Manichander (2014) serta Labhane, Nikam dan Baviskar (2015), pengkaji berpendapat bahawa pemboleh - pemboleh ubah berkaitan ini penting untuk dikaji bagi melihat impaknya pula ke atas pelajar berprestasi rendah di kawasan bandar dan luar bandar di Sabah. Tahap amalan ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar berkenaan berdasarkan faktor lokasi perlu dianalisis sementara pencapaian dalam kurikulum pula perlu di analisis mengikut kluster pelajar pencapaian cemerlang, kepujian, sederhana, lulus dan lemah. Hal ini

sangat perlu dilakukan kerana setiap kluster berkenaan mempunyai isu yang berbeza dan sudah pasti memerlukan penyelesaian yang berbeza pula.

1.2 Latar Belakang Kajian

Peranan sistem pendidikan sangat penting dalam pembangunan negara. Pendidikan yang berkualiti dan cemerlang merupakan wahana untuk membangunkan generasi alaf baru. Bagi tujuan tersebut Kementerian Pendidikan Malaysia (PPPM) pada 7 September 2013 telah menggariskan hala tuju pendidikan Malaysia daripada tahun 2013 sehingga 2025 bagi menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara maju di dunia.

Berhadapan dengan cabaran untuk menjadikan Pendidikan di Malaysia mencapai tahap kecemerlangan yang diharapkan, aspek yang penting untuk dititik beratkan ialah sejauhmana pendidikan tersebut dapat diakses secara menyeluruh seterusnya pelajar dapat menerima faedah sekaligus mencapai kejayaan sama ada pelajar berada di bandar atau di luar bandar tanpa mengira kedudukan geografi, budaya dan bangsa, serta sosioekonomi (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013). Pencapaian pelajar merupakan aspek yang penting dewasa ini memandangkan kejayaan dalam pelajaran akan memberi kesan rantaian kepada perubahan sosial, penentu kepada kestabilan masyarakat dan meningkatkan daya kompeten di peringkat global seterusnya akan memberi impak kemakmuran kepada sesebuah masyarakat (Ilon, 2011).

Dalam konteks kajian ini, jurang yang wujud antara pelajar bandar dan luar bandar dapat dikesan melalui perbezaan pencapaian prestasi pelajar bandar dan luar bandar. Laporan KPM (2012) juga menyatakan pencapaian sekolah-sekolah luar bandar juga di dapati ketinggalan sebanyak 4% berbanding sekolah di dalam bandar. Berdasarkan Keputusan SPM pula menunjukkan calon cemerlang tinggi (A+) bagi negeri Selangor adalah tinggi iaitu 99 orang berbanding Sabah 2 orang sahaja. (KPM, 2012). Pada tahun 2019, keputusan SPM telah menunjukkan jurang pencapaian gred purata antara sekolah bandar dan luar bandar adalah sebesar 0.43. Jurang ini semakin melebar pada tahun 2019 iaitu

sebesar 0.44 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Oleh itu, tahap sebenar amalan pembelajaran masteri, sikap akademik dan lokus kawalan antara pelajar bandar dan luar bandar perlu dikaji agar bantuan dan penambahbaikan yang bersasar serta tepat dapat dilakukan dan seterusnya dapat mengurangkan jurang pencapaian pelajar berdasarkan demografi.

Sebenarnya, keberkesanan sesuatu corak pembelajaran boleh dikenal pasti dengan terlebih dahulu memahami keperluan pelajar tersebut. Salah satu cara terbaik untuk berbuat demikian adalah melalui maklum balas secara langsung daripada pelajar sendiri. Kajian ini akan mengkaji tiga pemboleh ubah bebas iaitu amalan pembelajaran masteri, sikap akademik dan lokus kawalan untuk meneliti tahap, hubungan, perbezaan dan pengaruh pemboleh - pemboleh ubah berkenaan dengan satu pemboleh ubah bersandar iaitu pencapaian pelajar di Sabah. Ketiga-tiga pemboleh ubah yang dipilih ini sentiasa seiring dengan pencapaian akademik (Mayanchi, 2017; Mohd Mahzan, 2013; Kutamis *et al.*, 2011).

Pemboleh ubah amalan pembelajaran masteri mempunyai reputasi yang sangat baik dan sentiasa seiring dengan pencapaian pelajar terutama dalam dapatan kajian eksperimental (Cooperman, 2011). Pemboleh ubah sikap akademik pula merupakan pemboleh ubah paling penting dalam kajian psikologi sosial (Muhamad Shafiq dan Noraini, 2018). Sikap akademik juga sering menunjukkan dapatan yang seiring dengan pencapaian pelajar dalam kebanyakan kajian (Mohd Nihra *et al.*, 2012; Noor Erma & Leong, 2014). Sementara itu lokus kawalan pula digambarkan sebagai pemboleh ubah yang merupakan peramal yang baik kepada pencapaian pelajar (Azlina, 2014; Yahaya, Azizi, Zaiden, Abdul Razak, Ismail, Sharifudin, Abdul Rahman, Zanariah, 2003). Kajian ini meliputi 20 buah sekolah harian yang berada dalam kedudukan terbawah dalam keputusan SPM di Sabah pada tahun 2017. Sekolah-sekolah tersebut pula dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori sekolah harian bandar dan kategori sekolah harian luar bandar.

Dalam kajian ini, pencapaian pelajar diukur melalui tahap amalan pembelajaran masteri dalam diri pelajar. Amalan ini telah dipilih kerana kebanyakan pengkaji awal kerap mendapati bahawa pencapaian baik pelajar sering dihubungkan dengan kekuatan amalan pembelajaran masteri itu sendiri.

Malah Danner (2000) dan Borrás (2011) turut menunjukkan keyakinan mereka bahawa amalan ini boleh mengatasi masalah pelajar yang lemah dan yang sukar menerima pembelajaran. Dalam kajian ini, tahap amalan pembelajaran masteri pelajar diukur melalui jawapan yang diberikan oleh pelajar melalui borang instrumen yang diedarkan. Kajian ini melibatkan sampel pelajar berjumlah 355 orang daripada 20 sekolah di Sabah yang terletak dalam kedudukan GP sekolah terendah di Sabah berdasarkan peperiksaan SPM pada tahun 2017.

Meskipun amalan pembelajaran masteri merupakan pendekatan yang berwibawa ke arah meningkatkan pencapaian pelajar, namun kebanyakan kajian awal kerap memberi fokus kepada kajian berbentuk eksperimental iaitu penyelidik terlibat secara langsung dalam menentukan amalan pembelajaran masteri diterap secara sedar sebelum kaji selidik dijalankan. Kajian seperti ini sudah tentu tidak dapat menggambarkan situasi sebenar dan semasa tahap amalan pembelajaran masteri yang diamalkan oleh para pelajar di sekolah-sekolah Sabah. Oleh itu, kajian ini mengambil kaedah tinjauan bertujuan untuk mengeneipkan keterlibatan secara langsung penyelidik untuk mendapatkan maklumat sebenar tahap amalan pembelajaran masteri khususnya disekolah-sekolah terbabit.

Sementara itu, kebanyakan kajian-kajian awal berkaitan amalan pembelajaran masteri dan hubungannya dengan pencapaian seringkali menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif antara pemboleh ubah. Namun demikian, kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji awal tentang pencapaian hebat pelajar hasil amalan pembelajaran masteri seperti Guskey dan Anderman (2013), Digelmen (2011) dan Pintrich (2000) hanya menjurus kepada hubungan amalan pembelajaran masteri oleh pelajar dengan subjek tunggal sahaja. Keadaan yang berlaku ini sudah tentu tidak dapat memberikan gambaran sebenar hubungan atau pengaruh amalan pembelajaran masteri terhadap pencapaian keseluruhan sekolah atau individu pelajar. Hal ini kerana kehebatan amalan pembelajaran masteri tersebut hanya berlaku kepada subjek-subjek tertentu sahaja dan belum teruji bagi semua subjek secara menyeluruh.

Meskipun wujud persoalan-persoalan tentang kredibiliti dapatan amalan pembelajaran masteri khususnya berhubung penggunaan kaedah eksperimental